



**TEKS UCAPAN ALUAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PENGGERUSI YAYASAN ANGKASA
MERANGKAP
PRESIDEN ANGKASA**

**HI – TEA BERSAMA PENYUMBANG DANA
PENDIDIKAN UNTUK BIASISWA DAN
PROGRAM KECEMERLANGAN TAJAAN
YAYASAN ANGKASA BERSAMA ANGKASA
NEGERI SABAH
BERSAMA PIHAK KORPORAT DAN
KOPERASI NEGERI SABAH**

**23 OKTOBER 2025 (KHAMIS)
2.30 PETANG
HOTEL THE KLAGAN**

Bismillahirrahmanirrohim.
Assalamualaikum
Warahmatullahiwabarakatuh,

Salam Sejahtera dan salam koperasi kepada semua yang saya hormati.

**** SALUTATION DI ATAS ROSTRUM UTAMA****

Alhamdulillah, marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatnya kita dapat Bersama-sama dalam majlis hi – tea penghargaan penyumbang dan bakal penyumbang dana pendidikan Yayasan ANGKASA dan juga melaksanakan peluncuran tabung dana pendidikan anak-anak koperasi di negeri Sabah di bawah bayu ini .

Majlis pada petang ini amat bermakna kerana kita berhimpun untuk menghargai para penyumbang dan bakal penyumbang yang telah menghulurkan sumbangan kepada dana pendidikan Yayasan ANGKASA bagi membantu anak-anak Koperasi di Sabah melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi dalam negara apalagi majlis pada petang ini turut dihadiri oleh YB Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi

sendiri yang sentiasa menyokong kepada Pembangunan pendidikan kepada anak-anak koperasi di seluruh negara apalagi untuk anak-anak Sabah .

Bagi Pihak Yayasan ANGKASA saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas keprihatinan dan kemurahan hati semua penyumbang dan bakal penyumbang samada daripada koperasi, agensi Kerajaan, Syarikat swasta mahupun individu perseorangan yang komited dan ingin membantu terhadap pembangunan pendidikan koperasi.

Tuan-tuan dan puan-puan , kita percaya bahawa pendidikan Adalah asas kemajuan Masyarakat dan Gerakan koperasi . Ramai anak-anak koperasi di Sabah yang memiliki potensi yang besar untuk berjaya, namun ada yang menghadapi kekangan kewangan . Melalui tabung dana akan memberi lebih banyak peluang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading . Selain itu tabung dana ini juga diwujudkan

untuk membantu anak-anak warga koperasi Sabah yang berjaya melanjutkan Pelajaran ke institusi pengajian tinggi dalam negara serta memberi peluang kepada warga koperasi sendiri yang ingin menyambung pengajian secara jarak jauh (PJJ) khususnya dalam bidang koperasi dan pengurusan .

Tujuan utamanya ialah melahirkan lebih ramai warga koperasi yang berilmu, berkemahiran dan berdaya saing, agar koperasi di Sabah terus berkembang maju dan berperanan dalam menjana ekonomi Masyarakat setempat .Kita percaya bahawa pendidikan Adalah pelaburan paling berharga dan setiap sumbangan yang dihulurkan hari ini akan menjadi benih kepada masa depan yang lebih cerah bagi generasi koperasi akan datang .

Para penyumbang yang hadir sekalian ,

Sumbangan tuan-tuan dan puan-puan bukan sahaja memberi manfaat kepada kepada pelajar yang memerlukan

bantuan kewangan tetapi juga memberi suntikan semangat dan keyakinan kepada anak-anak koperasi Sabah untuk terus berusaha mencapai kejayaan dalam Pelajaran . Apabila anak-anak koperasi Sabah berjaya masuk ke universiti, mereka bukan sahaja membawa kejayaan kepada keluarga, malah menjadi duta kecil kepada semangat koperasi, berdikari, saling membantu dan berbakti kepada komuniti . Merekalah generasi pelapis yang akan menyambung perjuangan untuk memperkukuh Gerakan koperasi di negeri ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, kita bersyukur kerana Gerakan koperasi di Malaysia kini berada pada landasan yang amat membanggakan . Hampir 12 ribu koperasi yang mendaftar dengan ANGKASA ketika ini dan kita berbangga kerana Gerakan koperasi di Malaysia kini semakin kukuh dan berdaya saing. Koperasi telah menjadi pemangkin utama Pembangunan ekonomi rakyat, bukan Sahaja di bandar tetapi juga di luar bandar. Kejayaan ini

membuktikan bahawa koperasi mampu berkembang apabila diterajui oleh ahli-ahli yang berilmu, berintegriti dan berwawasan. Jesteru pendidikan yang disokong melalui dana ini amat penting untuk melahirkan generasi penerus koperasi yang berilmu yang akan meneruskan kejayaan ini dimasa hadapan.

Sesungguhnya tuan-tuan dan puan-puan adalah penyumbang harapan dan inspirasi kepada mereka . Budi dan jasa anda semua akan dikenang sebagai amal jariah yang berpanjangan kerana setiap ilmu yang ditimba oleh penerima dana ini akan terus mengalir manfaatnya kepada Masyarakat koperasi seluruhnya . Yayasan ANGKASA juga telah menyediakan sebanyak RM 34,953,735.70 untuk kos keseluruhan pembiayaan pendidikan dan sebanyak RM 20,844,352.00 telah ditukar kepada biasiswa untuk pelajar-pelajar yang mendapat kelas pertama dan kelas kedua atas.

Yayasan ANGKASA akan terus berusaha memperkukuh tabung pendidikan ini agar lebih ramai pelajar dari Sabah dapat dibantu setiap tahun . kami juga berhasrat untuk memperluaskan jaringan Kerjasama dengan koperasi-koperasi di Sabah, agar lebih banyak inisiatif pendidikan, Latihan dan Pembangunan insan dapat dijalankan bersama .

Saya amat berharap agar semangat menyumbang ini akan terus subur , kerana melalui Kerjasama dan keikhlasan semua pihak, Gerakan koperasi Sabah pasti akan dapat melahirkan generasi penerus yang berkualiti dan berwawasan .

Akhir kata , sekali lagi saya mewakili seluruh warga Yayasan ANGKASA mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada semua penyumbang atas sokongan usaha murni ini.

Semoga segala sumbangan tuan-tuan dan puan-puan akan diberkati Allah SWT dan menjadi pahala berpanjangan kerana setiap sen yang disumbangkan membuka peluang kepada anak-anak

koperasi Sabah untuk mengubah
kehidupan mereka melalui ilmu
pengetahuan .

Dari Kota Kinabalu hingga ke Tawau
Dari Kudat hingga ke Sipitang
Sumbangan tuan-tuan amat bergalau
Menyuluh masa depan yang gemilang .

Sekian

Wabillahi taufik walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh dan salam sejahtera buat

semua .